The Malayan Law Journal
1983
Laporan Bahasa Melayu

PENDAKWA RAYA lwn. YUVARAJ*

[P.C. (Lord Hodson, Lord Guest, Lord Pearce, Lord Pearson dan Lord Diplock) Julai 1, 1969]

[Privy Council Rayuan No. 28, 1968]

Sogokan dan rasuah – Anggapan rasuah terhadap yang dituduh – Darjah pembuktian dikehendaki untuk mematahkan anggapan – Sama ada anggapan terpatah dengan suatu pembelaan yang munasabah dan mungkin atau sama ada ianya boleh dipatahkan hanya dengan pembuktian pembelaan adalah di atas fakta tertentu yang kewujudannya adalah sangat mungkin hingga orang yang munasabah akan bertindak di atas andaian yang ianya wujud – Tiada perbezaan yang berkaitan di antara dua ujian itu – Ujian yang harus adalah di atas pertimbangan kemungkinan – Akta Mencegah Rasuah, 1961, ss. 4(a) dan 14.

Keterangan – Beban pembuktian – Perbezaan di antara perbicaraan jenayah dan perbicaraan sibil – Beban di atas yang dituduh untuk mematahkan anggapan – Ujian yang harus dipakai ialah yang terpakai dalam perbicaraan sibil – Pertimbangan kemungkinan – Ordinan Keterangan, 1950, s. 2.

Dalam kes ini responden telah bekerja dengan sebuah perbadanan awam dan adalah didapati bahawa ganjaran telah dibayar atau diberi kepadanya. Pembelaannya ialah ganjaran itu tidak diberi atau diterima secara rasuah. Dia dibebaskan oleh Yang Di-Pertua, Mahkamah Session, Encik W. Satchithanandhan, yang mendapati ejen pendorong yang menyerahkan wang adalah saksi yang tidak boleh dipercayai sama sekali, bahawa mengenai dakwaan motif rasuah responden tidak ada sokongan kepada bukti-bukti saksi pendakwa dan bahawa penerangan responden bukan sahaja "sangat mungkin dan boleh dipercayai dalam semua keadaan-keadaan kes" tetapi juga "berselarasan dan sepadan dengan kemungkinan yang tinggi mengenai ketidaksalahannya.". Pembebasannya disahkan semasa rayuan ke Mahkamah Tinggi oleh Ali H. Soalan Undang-undang yang berikut bagaimanapun diperuntukkan untuk keputusan Mahkamah Persekutuan di bawah seksyen 66 Akta Mahkamah-Mahkamah 1964:

"Sama ada dalam suatu pendakwaan di bawah seksyen 4(a) Akta Pencegah Rasuah, 1961, apabila anggapan rasuah telah ditimbulkan di bawah seksyen 14 Akta tersebut, beban untuk mematahkan anggapan ini boleh dikatakan terlaksana dengan pembelaan yang munasabah dan mungkin atau sama ada beban itu hanya boleh dipatahkan dengan pembuktian bahawa pembelaan adalah di atas fakta (atau fakta-fakta) tertentu yang kewujudannya adalah sangat mungkin hinggakan seorang yang munasabah akan bertindak di atas andaian yang ianya wujud (seksyen 3 Ordinan Keterangan)."

Mahkamah Persekutuan memilih jenis di dalam bahagian pertama soalan itu dan memutuskan bahawa beban untuk melaksanakan anggapan itu boleh dilaksanakan dengan pembelaan yang munasabah dan mungkin ([1968] 1 M.L.J. 238). Di dalam rayuan ke Privy Council –

Diputuskan, dalam menolak rayuan: di atas tafsiran sebenar Ordinan Keterangan 1950, dan Akta Mencegah Rasuah 1961, tiada terdapat perbezaan yang berkaitan di antara dua jenis beban mematahkan anggapan rasuah yang terkandung dalam soalan jika "beban mematahkan anggapan ini boleh dikatakan dilaksanakan dengan pembelaan yang munasabah dan mungkin" adalah difahamkan sebagai bermakna "beban mematahkan anggapan sedemikian adalah dilaksanakan jika mahkamah berpendapat yang di atas pertimbangan kemungkinan, ganjaran telah dibayar atau diberi dan diterima secara rasuah sebagai dorongan atau hadiah seperti yang disebut dalam seksyen 3 atau 4 Akta Pencegah Rasuah, 1961."

Pandangan: Ordinan Keterangan terpakai kepada perbicaraan sibil dan jenayah bersamaan dan tafsiran "terbukti" dan "disangkal buktikan" tidak membawa perbezaan yang nyata di antara fakta yang di kehendaki dibuktikan oleh pihak pendakwa dalam perbicaraan jenayah dan fakta yang dikehendaki dibuktikan oleh pihak yang berjaya di dalam perbicaraan sibil. Namun adalah tidak dapat diandaikan yang Ordinan Keterangan bertujuan, melalui peruntukan yang terkandung dalam apa yang diniatkan menjadi hanya seksyen tafsiran untuk menghapuskan perbezaan yang penting di segi sejarah, asas kepada pentadbiran keadilan di bawah common law, di antara beban yang terletak kepada pihak pendakwa dalam perbicaraan jenayah untuk membuktikan fakta yang membentuk kesalahan di luar semua was-was yang munasabah dan beban yang terletak ke atas pihak dalam tuntutan sibil untuk membuktikan fakta yang membentuk alasan tindakannya atau pembelaannya di atas pertimbangan kemungkinan.

Di mana sesuatu Enakmen membentuk suatu kesalahan dengan nyata memperuntukkan yang sekiranya lain-lain fakta adalah dibuktikan, fakta yang tertentu, kewujudannya adalah satu unsur yang perlu bagi kesalahan itu, hendaklah dianggap atau diandai sebagai wujud "melainkan yang bertentang dibuktikan," ujiannya adalah sama seperti yang terpakai di dalam perbicaraan sibil: di atas pertimbangan kemungkinan.

Kes-kes yang dirujuk:

(1) *Dhanvantrai* lwn. *State of Maharashtra* A.I.R. 1964 S.C. 575

(2) *Woolmington* lwn. *Director of Public Prosecutions* [1935] A.C. 462

(3) *Newis* lwn. *Lark* (1571), Plow, 403, 412 75 E.R. 609.

(4) *Cooper* lwn. *Slade* (1858), 6 H.L.C. 746, 772; 10 E.R. 1488

(5) *R.* lwn. *Carr Briant* [1943] K.B. 607

---

* Dialihbahasa dari [1969] 2 M.L.J. 89 oleh Cik Ahilemah binte Jonet LL.B. (Malaya) LL.M. (London) Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

PRIVY COUNCIL rayuan didengar pada 13hb Mei 1969

Rt. Hon. Sir Dingle Foot, Q.C. dan *M.P. Solomon* bagi pihak yang merayu.
L. Blom-Cooper, amicus curiae.
Responden *ex parte.*

Lord Diplock (menyampaikan keputusan Lembaga): Responden telah ditudoh di hadapan Mahkamah Sesyen, Batu Pahat, dengan kesalahan di bawah seksyen 4(a), Akta Mencegah Rasuah 1961, yang dalam kata-kata berikut:

"Jika –

(a) mana-mana ajen dengan secara rasuah menerima atau mendapat atau bersetuju untuk menerima atau cuba untuk mendapat, dari mana-mana orang, bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain, apa-apa ganjaran sebagai dorongan atau hadiah bagi membuat atau menahan dari membuat, atau telah, selepas berkuatkuasanya Akta ini melakukan atau menahan dari membuat, apa-apa perbuatan berkaitan dengan urusan atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana menunjukkan atau menahan dari menunjukkan pemihakan atau ketidak-pemihakan kepada mana-mana orang berkaitan dengan urusan atau perniagaan principalnya; ... dia hendaklah menjadi bersalah akan kesalahan ..."

Seksyen 14 Akta yang sama memperuntukkan:

"Di mana di dalam apa-apa perbicaraan terhadap seseorang bagi kesalahan di bawah seksyen 3 atau 4 adalah dibuktikan bahawa apa-apa ganjaran telah dibayar atau diberi kepada atau diterima oleh seseorang semasa bekerja di mana-mana perbadanan awam, ganjaran itu hendaklah diandaikan telah dibayar atau diberi atau diterima secara rasuah sebagai dorongan atau hadiah seperti sebelum dari ini disebut, melainkan yang bertentangan dibuktikan."

Adalah telah dibuktikan yang responden telah bekerja dengan sebuah perbadanan awam dan bahawa satu ganjaran telah dibayar atau diberi kepadanya. Pembelaannya adalah bahawa ianya tidak dibayar atau diberi dan diterima secara rasuah. Dia dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen dan pembebasan ini disahkan di dalam rayuan ke Mahkamah Tinggi. Soalan Undang-undang di bawah ini bagaimanapun, diperuntukkan untuk keputusan Mahkamah Persekutuan di bawah seksyen 66 Akta Mahkamah 1964:

"Sama ada dalam sesuatu pendakwaan di bawah seksyen 4(a) Akta Pencegah Rasuah 1961, apabila anggapan rasuah telah ditimbulkan di bawah seksyen 14 Akta tersebut, beban untuk membatalkan anggapan ini boleh dikatakan terlaksana dengan pembelaan yang munasabah dan mungkin atau sama ada beban itu hanya boleh dipatahkan dengan pembuktian bahawa pembelaan adalah di atas fakta (atau fakta-fakta) tertentu yang kewujudannya adalah sangat mungkin hinggakan seseorang yang munasabah akan bertindak di atas andaian yang ianya wujud (Seksyen 3 Ordinan Keterangan)."

Paduka Hakim-Hakim telah diberitahu bahawa apa jua jawapan yang mungkin diberi kepada soalan ini, tiada perbicaraan jenayah yang lanjut mengenai kesalahan yang didakwa akan dibawa terhadap responden. Soalan ini adalah dalam kata-kata yang umum. Penentuannya tidak bergantung di atas fakta-fakta tertentu kes dari mana ianya timbul. Adalah dengan itu tidak menjadi perlu untuk merujuk kepada fakta tersebut, tetapi supaya adil kepada responden yang namanya akan muncul dalam Laporan Undang-undang Malaysia, adalah harus dinyatakan bahawa pada pendapat Paduka Hakim-Hakim di atas fakta-fakta seperti yang didapati oleh Mahkamah Sesyen dia berhak untuk dibebaskan

Soalan yang diperuntukkan untuk keputusan Mahkamah Persekutuan mengandaikan bahawa ada perbezaan yang berkaitan di dalam kesan yang praktis, selain dari hanya di segi susunan kata, di antara beban yang dinyatakan di dalam bahagian pertama soalan itu dan yang dinyatakan dibahagikan kedua. Susunan kata itu nampaknya telah dipinjam dari keputusan Mahkamah Agong India di dalam *Dhanvantra* v. *State of Maharashtra*[1]. Itu adalah pendakwaan di bawah perundangan India yang di dalam kata-kata yang serupa dengan Akta Mencegah Rasuah 1961. Mahkamah Agong India tanpa ragu-ragu berfikir yang kedua-dua beban tidak sama dan memilih jenis dalam bahagain kedua soalan itu, yang mereka anggap sebagai mengenakan beban membukti yang lebih berat. Mahkamah Persekutuan Malaysia, di dalam keputusan yang sekarang ini dirayukan, yang disampaikan oleh Ong Hock Thye H.P. (seperti mana beliau ketika itu) nampaknya telah menerima bahawa ada perbezaan yang berkaitan tetapi tidak cuba mengenalpastinya. Mereka memilih jenis di dalam bahagian pertama soalan itu dan dalam perintah rasmi mereka mendapati:

"MAHKAMAH INI MENDAPATI bahawa di dalam pendakwaan di bawah seksyen 4(a) Akta Mencegah Rasuah, 1961, anggapan rasuah setelah ditimbulkan di bawah seksyen 14 Akta tersebut, beban mematahkan anggapan tersebut boleh dikatakan dilaksanakan dengan suatu pembelaan yang munasabah dan mungkin."

Tuan Hakim Ong Hock Thye, di dalam keputusannya, menyemak sejumlah keputusan mahkamah-mahkamah Malaysia dan India (di mana Akta Keterangan India adalah di dalam kata-kata yang serupa) yang menunjukkan berbagai-bagai macam pendapat kehakiman mengenai darjah kepastian

mengenai fakta yang tidak wujud yang mesti dimasukkan di dalam fikiran mahkamah untuk memberi hak kepada defenden mendapat pembebasan di mana statut dengan nyata meletakkan ke atasnya beban untuk membuktikan bahawa ianya tidak wujud. Oleh sehab perbezaan-perbezaan pendapat ini maka kebenaran khas untuk merayu telah diberi.

Di Malaysia, seperti di India, undang-undang keterangan telah dimasukkan dalam kanun yang berstatut: Ordinan Keterangan. Setakat mana-mana bahagian undang-undang berkenaan dengan keterangan yang dibincangkan dengan nyata oleh Ordinan itu, mahkamah-mahkamah Malaysia hendaklah menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan Ordinan itu; sama ada atau tidak mereka berbeza dari kaedah keterangan common law yang dipakai oleh mahkamah Inggeris. Tetapi tiada sesuatu Enakmen boleh menjadi sepenuhnya menyeluruh. Ia akan mengambil tempatnya sendiri sebagai sebahagian dari kumpulan am undang-undang. Ianya diniatkan supaya ditafsirkan oleh peguam-peguam, dan di atas perkara-perkara mengenai mana ianya senyap atau gagal menjadi terang hendaklah dianggap bahawa bukan tujuan badan perundangan untuk melencong dari prinsip undang-undang yang teguh.

Walaupun di dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dan di dalam kes-kes yang dipetik semasa membuat keputusan itu terdapat rujukan-rujukan kepada *Woolmington* lwn. *Director of Public Prosecutions*[2], nas itu tidak pada pendapat Paduka Hakim-Hakim bertalian kepada rayuan sekarang ini. Ianya adalah mengenai kesalahan di common law, bukan satu kesalahan yang mempunyai peruntukan statut yang nyata mengubah beban biasa membuktikan yang di dalam kes jenayah terletak ke atas pihak pendakwa dan mengenakan ke atas defendan beban membuktikan kewujudan atau ketidakwujudan sesuatu fakta tertentu secara pembelaan.

Di mana defendan dituduh dengan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(a) Akta Pencegah Rasuah, 1961, kepada mana seksyen 14 juga terpakai, beban terletak ke atas pihak pendakwa untuk membuktikan dua unsur fakta yang utama kesalahan itu iaitu (1) bahawa ganjaran telah dibayar atau diberi kepada atau diterima oleh defendan dan (2) bahawa pada ketika pembayaran, pemberian atau penerimaan dia sedang bekerja dengan sebuah perbadanan awam. Apabila dua unsur ini dibukti kewujudan unsur yang ketiga iaitu (3) bahawa ganjaran telah dibayar atau diberi atau diterima secara rasuah sebagai dorongan atau hadiah kerana membuat atau menahan dari membuat sesuatu perbuatan berkenaan dengan urusan-urusan perbadanan awam itu, hendaklah dianggap "melainkan yang bertentangan dibuktikan."

Rayuan ini berputar semata-mata di atas tafsiran perkataan-perkataan ini "melainkan yang bertentangan dibuktikan".

Unsur ketiga yang dianggap sebagai wujud melainkan yang bertentangan dibuktikan ialah "fakta" di dalam makna perkataan itu dalam Ordinan Keterangan. Ordinan itu memperuntukkan dalam seksyen 2 bahawa ianya "hendaklah dipakai kepada semua perbicaraan kehakiman dalam atau di hadapan mana-mana mahkamah" dengan kecualian-kecualian tertentu yang tidak penting dalam kes sekarang ini. Berikutan dari itu bila mana-mana enakmen Malaysia mengandungi peruntukan-peruntukan berkenaan dengan perbicaraan kehakiman bagi kesalahan jenayah apa-apa rujukan di dalam peruntukan itu kepada pembuktian fakta mestilah pada pendapat Paduka Hakim-Hakim, ditafsirkan berpandukan kepada mana-mana tafsiran yang berkaitan di dalam Ordinan Keterangan.

Tafsiran yang berkaitan adalah:

> "'terbukti': fakta dikatakan sebagai 'terbukti' bila, selepas, menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, mahkamah sama ada percaya bahawa ianya wujud atau berpendapat kewujudannya sungguh mungkin hinggakan seorang yang munsabah harus, di bawah keadaan-keadaan kes tertentu itu, bertindak di atas andaian yang ianya wujud.
>
> "'disangkal-buktikan': fakta dikatakan sebagai 'disangkal-buktikan' bila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, mahkamah sama ada percaya bahawa ianya tidak wujud atau berpendapat bahawa ketidakwujudannya sungguh mungkin hinggakan seorang yang munasabah harus, di bawah keadaan-keadaan kes tertentu itu, bertindak, di atas andaian bahawa ianya tidak wujud.
>
> "'takterbukti': fakta dikatakan sebagai 'takterbukti' bila ianya tidak dibutikan mahupun disangkal-buktikan."

Memandangkan tafsiran ini ianya tidak menjadi persoalan sama ada ungkapan "melainkan yang bertentangan dibuktikan" di dalam seksyen 14 Akta Mencegah Rasuah 1961 dianggap sebagai suatu keperluan yang ketidakwujudan fakta yang membentuk unsur ketiga kesalahan yang melainkan dari ini harus diandaikan sebagai wujud hendaklah di "buktikan" atau bahawa kewujudan fakta-fakta tertentu itu hendaklah "disangkalbuktikan". Keperluan seksyen itu dipenuhi jika, dan hanya

jika, selepas menimbangkan perkara-perkara di-
hadapannya mahkamah "sama ada percaya yang
ianya (iaitu motif rasuah) tidak wujud atau ber-
pendapat ketidakwujudannya sungguh mungkin
hinggakan orang yang munasabah harus, di bawah
keadaan-keadaan kes-kes tertentu itu, bertindak di
atas andaian bahawa ianya tidak wujud."

Tafsiran di dalam Ordinan Keterangan tidak
cuba untuk menyatakan dengan terang darjah
kemungkinan yang orang yang munasabah harus
cari sebelum dia bertindak di atas andaian bahawa
sesuatu fakta tidak wujud. Sebagai perkara akal
budi ini mesti bergantung di atas perbuatan yang
diniatkan. Darjah kemungkinan memadai untuk
mendorong seorang yang munasabah untuk meng-
habiskan satu ringgit di atas anggapan bahawa
sesuatu fakta tidak wujud mungkin tidak menjadi
memadai untuk mendorong dia untuk mempertа-
ruhkan satu juta ringgit. Tafsiran itu, bagaimana-
pun, tiada mengandungai pengenalpastian yang
nyata mengenai tindakan yang orang yang muna-
sabah adalah diandaikan telah niatkan.

Pada pendapat Paduka Hakim-Hakim tindakan
yang berkaitan yang harus diambil oleh orang yang
munasabah di atas andaian bahawa fakta tertentu
adalah wujud atau tidakwujud kepada mana taf-
siran itu rujuk adalah penentuan oleh perbicaraan
kehakiman berikutan dari keputusan bahawa fak-
ta adalah dibuktikan atau dibatalbuktikan menurut
apa yang berkenaan. Ordinan Keterangan terpakai
kepada perbicaraan jenayah dan sibil serupa dan
tafsiran "terbukti" atau "disangkalbuktikan"
menunjukkan tiada perbezaan yang nyata di antara
fakta yang dikehendaki dibuktikan oleh pihak
pendakwa di dalam perbicaraan jenayah dan fakta
dikehendaki dibuktikan oleh pihak yang berjaya
dalam perbicaraan sibil. Namun adalah tidak boleh
diandaikan bahawa Ordinan Keterangan itu bertu-
juan melalui peruntukan terkandung dalam apa
yang bermaksud hanya sebagai seksyen tafsiran
untuk menghapuskan perbezaan yang bersejarah
asas kepada pentadbiran keadilan di bawah com-
mon law, di antara beban yang terletak ke atas
pihak pendakwa dalam perbicaraan jenayah untuk
membuktikan fakta-fakta yang membentuk sesuatu
kesalahan di luar semua was-was yang munasabah
dan beban yang terletak ke atas pihak dalam tuntu-
tan sibil untuk membuktikan fakta-fakta yang
membentuk alasan tindakannya atau pembelaan-
nya di atas pertimbangan kemungkinan.

Darjah kemungkinan mengenai kewujudan dan
ketidakwujudan sesuatu fakta yang dikehendaki
supaya ianya menjadi "terbukti" atau "disangkal-
buktikan" dalam makna yang diberi kepada kata-
kata yang terdapat dalam Ordinan Keterangan,
pada pendapat Paduka Hakim-Hakim bergantung
di atas sifat perbicaraan dan apa yang akan menjadi
akibat di dalam perbicaraan mengenai suatu kepu-
tusan bahawa sesuatu fakta adalah "terbukti"
atau "disangkalbuktikan." Jika akibat nya akan
menjadi keputusan sesuatu tuntutan sibil memihak
kepada satu pihak, pertimbangan kemungkinan
sahaja yang diperlukan. Adalah memadai bahawa
di atas keterangan-keterangan mahkamah berpen-
dapat bahawa adalah lebih berkemungkinan dari
tidak yang fakta itu wujud atau tidak wujud. Ini
telah menjadi kaedah common law sejak sekurang-
kurangnya abad ke-enambelas. Lihat *Newis* lwn.
Lark[3] dipetik oleh Wiles J. dalam *Cooper* lwn.
Slade[4]. Dalam perbicaraan jenayah sebaliknya
dengan suatu kecualian kepada kaedah am yang
berasaskan atas pertimbangan dasar awam, jika
akibat dari satu keputusan yang sesuatu fakta
tertentu adalah terbukti, akan menyebabkan tha-
bitan defendan, darjah kemungkinan mestilah san-
gat tinggi untuk menyingkirkan apa-apa was-was
yang munasabah bahawa fakta-fakta itu wujud.

Pada umumnya, tiada beban terletak ke atas
defendan dalam perbicaraan jenayah untuk mem-
buktikan atau menyangkalbuktikan apa-apa fakta:
Adalah memadai untuk pembebasannya jika mana-
mana fakta yang jika ianya wujud akan membent-
uk kesalahan yang dianya dipertuduhi, tidak
terbukti. Tetapi terkecualilah, seperti dalam kes
ini, satu enakmen membentuk sesuatu kesalahan,
dengan nyata memperuntukkan bahawa jika lain-
lain fakta dibuktikan, sesuatu fakta tertentu, yang
mana kewujudan ianya adalah unsur fakta yang
perlu bagi kesalahan itu, hendaklah diandaikan
atau dianggap wujud "melainkan yang bertentan-
gan dibuktikan." Dalam kes seperti itu akibat
keputusan yang fakta yang tertentu adalah disang-
kalbuktikan akan menyebabkan pembebasan,
sedangkan ketiadaan penemuan seperti itu akan
membawa akibat kepada thabitan. Di mana ini ada-
lah akibat kepada fakta itu "tidak dibuktikan"
ianya tidak boleh menjadi alasan dalam dasar
awam bagi menghendaki darjah kepastian yang
terkecuali itu bagi menyingkirkan semua was-was
yang munasabah bahawa fakta itu tidak wujud.
Pada pendapat Paduka Hakim-Hakim kaedah am
terpakai dalam kes seperti itu dan adalah memadai
jika mahkamah berpendapat bahawa di atas kete-
rangan di hadapannya adalah lebih mungkin dari ti-
dak yang fakta itu tidak wujud. Ujiannya adalah
sama seperti yang terpakai dalam perbicaraan sibil:
pertimbangan kemungkinan. Ini adalah ujian yang
dipersetujui oleh Mahkamah Rayuan Jenayah dalam

R. lwn. *Carr-Briant*[5] satu kes mengenai peruntukan dalam satu statut Inggeris, dalam kata-kata serupa dengan yang terkandung dalam seksyen 14 Akta Pencegah Rasuah Malaysia 1961. Bagi sebab-sebab yang telah dinyatakan Paduka Hakim-Hakim tidak fikir bahawa, dalam apa keadaanpun di mana peruntukan seperti itu terkandung dalam sebuah enakmen, tafsiran "terbukti" dan "disangkalbuktikan" terkandung dalam Ordinan Keterangan mengwujudkan apa-apa perbezaan di antara undang-undang Malaysia dan Undang-undang Inggeris dalam hal ini.

Adalah telah dicadangkan bahawa untuk memuaskan mahkamah di atas pertimbangan kemugkinan sesuatu fakta tidak wujud meletakkan beban yang sungguh tinggi ke atas defendan dalam perbicaraan jenayah; di mana kegagalan untuk menyangkalbuktikan fakta itu akan menyebabkan thabitannya; dan dalam sejumlah kes-kes yang dipetik oleh Mahkamah Persekutuan, yang dipetik tanpa kata-kata tidak persetujuan yang terang digunakan, yang boleh difahamkan sebagai meminta suatu penjelasan dari defendan yang darjah kemunasabahannya tidak lebih tinggi dari yang memadai untuk menimbulkan keraguan yang munasabah mengenai kewujudan fakta yang mesti dia sangkalbuktikan. Tetapi ini adalah ujian dengan cara mana sekiranya tiada apa-apa peruntukan statut membalikkan beban membukti, mahkamah menentukan sama ada sesuatu fakta yang kewujudannya adalah unsur yang perlu bagi sesuatu kesalahan jenayah telah "terbukti" atau "takterbukti" oleh pihak pendakwa: ke atas mana beban terletak untuk membuktikannya. Ianya adalah cuma satu cara yang lain menyatakan bahawa pihak pendakwa bukan sahaja mesti membuktikan kewujudan dua unsur fakta yang utama bagi kesalahan itu iaitu (1) bahawa suatu ganjaran telah dibayar atau diberi kepada atau diterima oleh defendan dan (2) bahawa pada masa pembayaran itu, pemberian, atau penerimaan dia adalah sedang bekerja dengan sebuah perbadanan awam, tetapi juga mesti memuaskan mahkamah yang keadaan-keadaan dalam mana ganjaran itu dibayar, diberi atau diterima menyebabkan timbulnya di luar waswas yang munasabah kepada satu kesimpulan fakta bahawa ianya dibayar, diberi atau diterima dengan motif rasuah. Ini adalah cara yang biasa dalam mana pihak pendakwa memuaskan beban pembuktian motif dengan mana sesuatu perbuatan dilakukan oleh defendan di mana beban untuk berbuat demikian (membuktikan motif) terletak ke atas pihak pendakwa. Pada pendapat Paduka Hakim-Hakim ianya tiada memberi kesan yang cukup kepada pembalikan beban biasa pembuktian oleh peruntukan statut yang nyata yang fakta yang membentuk suatu unsur kesalahan jenayah hendaklah diandaikan sebagai wujud "melainkan yang bertentangan dibuktikan."

Dasar yang menjadi asas seksyen 14 Akta Mencegah Rasuah 1961 adalah pada pendapat Paduka Hakim-Hakim, jelas. Seksyen itu terhad kepada orang-orang "yang bekerja di dalam mana-mana perbadanan awam." Tiada anggapan yang serupa terpakai kepada ajen prinsipal swasta. Rasuah dalam perkhidmatan awam adalah kecelakaan sosial yang berat yang sangat sukar untuk dikesani, kerana mereka, yang mengambil bahagian dalamnya akan bersungguh-sungguh menutupi jejak-jejak mereka. Seksyen ini adalah dicipta untuk memaksa setiap pegawai kerajaan agar mengatur urusannya agar dia tidak menerima pemberian secara tunai atau barangan dari ahli masyarakat melainkan dalam keadaan dalam mana dia boleh menunjukkan dengan jelas bahawa dia mempunyai sebab yang sah untuk berbuat sedemikian.

Hasilnya di atas tafsiran Ordinan Keterangan dan Akta Mencegah Rasuah 1961, pada pendapat Paduka Hakim-Hakim, tiada terdapat perbezaan yang berkaitan di antara kedua-dua jenis beban mematahkan anggapan rasuah yang terkandung dalam soalan yang diperuntukan untuk pertimbangan Mahkamah Persekutuan, jika ungkapan dalam bahagian pertama soalan itu: "beban mematahkan anggapan ini boleh dikatakan sebagai terlaksana dengan pembelaan yang munasabah dan mungkin" difahamkan sebagai bermakna" beban mematahkan anggapan sedemikian terlaksana jika mahkamah berpendapat bahawa di atas pertimbangan kemungkinan ganjaran itu tidak dibayar atau diberi dan diterima secara rasuah sebagai dorongan atau hadiah seperti yang disebut dalam seksyen 3 dan 4 Akta Mencegah Rasuah, 1961."

Pada fahaman Paduka Hakim-Hakim dari segi inilah Mahkamah Persekutuan bertujuan untuk menjawab soalan ini kerana mereka bermaksud untuk mengikut keputusan dalam kes Inggeris *Carr-Briant*. Paduka Hakim-Hakim akan, dengan ini melaporkan kepada Ketua Malaysia akan pendapat mereka yang rayuan ini harus ditolak.

Rayuan ditolak.

Peguamcara: *Stephenson Harward & Tatham.*